A

Azami bin Ahmad dan satu lagi lwn Mohd Yunan bin Che Ya

MAHKAMAH TINGGI (KUANTAN) — RAYUAN NO 12–35 TAHUN 2007

B

VT SINGHAM PK

10 AUGUST 2009

C

Ganti rugi (Kecederaan Diri atau Kematian) — Rayuan — Rayuan terhadap award yang dibuat — Sama ada mahkamah perlu mengambilkira 'overlapping' walaupun tiada hujahan daripada pihak penentang — Sama ada award untuk 'pain and suffering' dan 'loss of amenities' dan sebarang 'disabilities' tidak boleh diberi secara berasingan bagi setiap satu kecederaan — Sama ada perbelanjaan perubatan masa hadapan dan 'pain and suffering' untuk pembedahan masa hadapan dibuktikan

D

Lalu Lintas Jalan — Kecuaian — Perlanggaran antara motosikal dan motolori treler — Motolori treler dalam keadaan berhenti — Motosikal merempuh bahagian belakang treler — Pembahagian liabiliti — Sama ada pemandu motolori cuai kerana gagal meletakkan tanda amaran di belakang motolori — Sama ada pemandu motosikal perlu lebih bertanggungjawab kerana dalam pergerakan — Sama ada pemandu motorsikal menanggung kecuaian sertaan 20%

E

F

Tort — Kecuaian — Kecuaian sertaan — Kemalangan jalan raya — Sama ada plaintif boleh dipertanggungjawabkan atas kecuaian sertaan di mana defendan tidak memberi keterangan

G

Tort — Kecuaian — Kemalangan jalan raya — Perlanggaran antara motosikal dan motolori treler — Pembahagian liabiliti — Sama ada pemandu motolori cuai kerana gagal meletakkan tanda amaran di belakang motolori — Sama ada pemandu motosikal menanggung kecuaian sertaan 20% — Sama ada doktrin res ipsa loquitur terpakai

H

I

Defendan pertama telah meletakkan motolorinya bersama treler di sebelah kiri jalan di mana sebahagian motolori berada di atas jalan raya dan sebahagian di atas bahu jalan. Plaintif ('SP4') telah menunggang motosikalnya dan telah merempuh motolori tersebut di bahagian tayar belakang sebelah kanan treler. Defendan pertama tidak memberi keterangan semasa perbicaraan. Hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah

bergantung kepada keterangan pegawai penyiasat ('SP2'), plaintif, laporan polis plaintif, laporan polis defendan pertama, rajah kasar dan gambar-gambar polis dan telah mendapati defendan pertama menanggung 100% liabiliti dalam kemalangan tersebut. Laporan polis plaintif dan defendan pertama tidak dikemukakan sebagai keterangan sama ada melalui plaintif atau melalui SP2 atau ditandakan sebagai ekshibit. Hakim mahkamah sesyen telah mengawardkan RM213,000 untuk ganti rugi am dan RM23,224 sebagai ganti rugi khas kepada plaintif. Defendan-defendan telah merayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen tersebut.

Diputuskan, membenarkan rayuan defendan-defendan:

(1) Hanya terdapat satu isu utama untuk menentukan liabiliti terhadap defendan pertama, iaitu, sama ada terdapat sebarang tanda amaran yang diletak di belakang motolori defendan pertama seperti dikehendaki di bawah k 101A(2) Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) Motor 1959. Plaintif telah menyatakan tidak ada tanda amaran dan keterangan itu adalah disokong oleh SP2. Keterangan ini tidak disangkal (lihat perenggan 7–8).

(2) Hanya kerana defendan pertama tidak memberi keterangan, ini bukan bermakna bahawa defendan pertama patut didapati 100% cuai melainkan terdapat keterangan bahawa defendan pertama cuai. Mahkamah perbicaraan mesti menilai keseluruhan keterangan, secara kehakiman, sama ada, pertama, defendan pertama cuai dan bertanggungjawab terhadap kemalangan itu, dan kedua, sekiranya defendan pertama didapati cuai, sama ada plaintif telah menyumbang kepada kemalangan tersebut (lihat perenggan 16).

(3) Doktrin res ipsa loquitur tidak terpakai di atas fakta kes ini kerana plaintif mengetahui bagaimana kemalangan berlaku dan apakah punca yang menyebabkan kemalangan (lihat perenggan 18).

(4) Hakim mahkamah sesyen telah khilaf apabila beliau merujuk kepada dua laporan polis dalam alasan penghakiman yang tidak dikemukakan atau ditanda sebagai keterangan ataupun dipersetujui di peringkat mahkamah perbicaraan (lihat perenggan 26(2)).

(5) Award hakim mahkamah sesyen untuk ganti rugi am adalah melampau dan tidak mengikut trend dan terkhilaf di atas prinsip bagaimana award harus diberi apabila plaintif mengalami beberapa jenis kecederaan. Award yang diberi oleh hakim mahkamah sesyen di mana award-award yang diberi berasingan bagi sesuatu kecederaan dijumlahkan tanpa mengambilkira 'overlapping' adalah satu 'misdirection'. Hakim perbicaraan sepatutnya mengambilkira 'overlapping' jika kes itu adalah

satu keadaan di mana mahkamah perlu mengambil kira 'overlapping' walaupun tidak ada hujah daripada pihak penentang (lihat perenggan 33–34 & 36).

(6) Award untuk *pain and suffering* dan *loss of amenities* dan sebarang *disabilities* tidak boleh diberi secara berasingan bagi setiap satu kecederaan kerana *pain and suffering* bagi sebahagian kecederaan harus diambilkira bersama dan tidak boleh diberi award secara berasingan dan seterusnya menjumlahkan award tersebut seperti yang dibuat oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana (lihat perenggan 37).

(7) Perbelanjaan perubatan masa hadapan dan *pain and suffering* untuk pembedahan di masa hadapan yang diawardkan oleh hakim mahkamah sesyen tidak dibuktikan bahawa telah dibelanjakan atau mesti diteruskan oleh plaintif (lihat perenggan 38).

(8) Keputusan hakim mahkamah sesyen terhadap liabiliti bahawa defendan pertama bertanggungjawab 100% bagi kemalangan tersebut diketepikan dan digantikan bahawa defendan pertama menanggung 80% dan kecuaian sertaan terhadap plaintif adalah 20%. Award berjumlah RM213,000 bagi ganti rugi am diketepikan dan diganti dengan RM131,000 (lihat perenggan 40).

[English summary

The first defendant had parked his lorry beside a trailer on the left side of the road where few lorries were on the highway and few on the shoulder of the road. The plaintiff ('SP4') was travelling on his motorcycle and had collided into the lorry at the right back tyre of the trailer. The first defendant had not testified during the trial. Learned sessions court judge had relied on the evidence of the investigating, the plaintiff, the plaintiff's police report, the first defendant's police report, the sketch plan and the police photographs and had found that the first defendant was 100% liable in the said accident. Neither was the plaintiff's police report and the first defendant produced as evidence by the plaintiff or by SP2 or marked as an exhibit. The sessions court judge had awarded RM213,000 for general damages and RM23,224 for special damages to the plaintiff. The defendants appealed against the decision of the sessions court judge.

Held, allowing the defendants' appeal:

(1) There was one main issue to determine the liability of the first defendant ie whether there was any warning signs placed at the back of the first defendant's lorry as stipulated under r 101A(2) of the Vehicles (Construction and Use) Rules 1959. The plaintiff had submiited that

there was no warning sign and that evidence was supported by SP2. This evidence was not rebutted (see paras 7–8).

(2) The fact that the first defendant had not testified did not mean that he should be found 100% negligent unless there was evidence that the first defendant was negligent. The trial court must evaluate the overall evidence judicially as to whether, firstly, the first defendant was negligent and responsible for the accident; and secondly, if the first defendant was found negligent, whether the plaintiff had contributed to the accident (see para 16).

(3) The doctrine of res ipsa loquitur was not applicable on the facts of this case as the plaintiff knew how the accident happened and what was the cause of it (see para 18).

(4) The sessions court judge had erred when he referred to the two police reports in the grounds of judgment that was neither produced or marked as evidence nor agreed at the trial court stage (see para 26(2)).

(5) The sessions court judge's award for general damages was excessive and did not follow the trend and had erred on the principles of how an award should be made when the plaintiff suffered various injuries. The award made by the sessions court judge where the awards were given separately for an injury was calculated without considering the overlapping was a misdirection. The trial jusge should have considered the overlapping if the case was one where the court ought to have considered the overlapping although there was no submission from the opponent (see paras 33–34 & 36).

(6) The award for pain and suffering and loss of amenities and any disabilities could not be granted separately because the pain and suffering for part of the injuries should be considered together and subsequently calculated towards the award granted made by the learned sessions court judge (see para 37).

(7) The expense for future medication and future operation for pain and suffering awarded by the sessions court judge did not show any expenditure or it should be continued by the plaintiff (see para 38).

(8) The decision of the sessions court judge on liability that the first defendant was 100% liablie for the accident was set aside and substituted that he was 80% liable and was 20% contributorily negligent against the plaintiff. The award for RM213,000 as general damages was set aside and substituted with RM131,000 (see para 40).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalan raya, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1258–1500.

Untuk kes-kes mengenai perlanggaran antara motosikal dan motolori treler, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 334–339.
Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap award yang dibuat, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 328–329.

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad Nordin bin Hah Maslan & Anor v Eng Ngak Hua & Ors [1985] 2 MLJ 431, MA (diikut)
Balakrishnan a/l Sinnappan & Anor v Mariammah a/p Ganapragasm dan wakil peribadi Anthonysamy a/l Atputham [2006] 4 MLJ 567; [2006] 5 AMR 43, MT (dirujuk)
Bonner v Fox [2006] All ER (D) 18 (Jun), QBD (dirujuk)
British Railways Board v Herrington [1972] AC 877, HL (dirujuk)
Butterfield v Forrester 11 East 60; 103 ER 926 (1809), KB (dirujuk)
Caswell v Powell Duffryn Associated Collieries Ltd [1940] AC 152, HL (diikut)
Davis v Man 152 ER 588 (dirujuk)
Elliot v Preston [1971] 2 LLLR 328 (dirujuk)
Greenfield v London and North Eastern Railway Co [1945] KB 49, MR (dirujuk)
Hamizan bin Abd Hamid v Wong Kok Keong & Anor [1994] 3 MLJ 630; [1994] 4 CLJ 122, MT (dirujuk)
Haron v Macaulay [1969] 1 MLJ 169, MP (diikut)
Hill-Venning v Beszant [1950] 2 All ER 1151, MR (tidak diikut)
Insurance Commissioner v Joyce (1948) 77 CLR 39, MT (dirujuk)
Jaafar bin Shaari & Anor (suing as administrators of the estate of Shofiah bte Ahmad, deceased) v Tan Lip Eng & Anor [1997] 3 MLJ 693, MA (dibeza)
Jones v Great Western Railway Co (1930) 144 LT 194, HL (diikut)
Kanan a/l Subramaniam dan satu lagi lwn Aman Syah Abadzyuid [2002] 7 MLJ 561; [2002] 6 CLJ 34, MT (dirujuk)
Kuan Kian Seng v Wong Choon Keh [1995] SGHC 43 (dirujuk)
Kuppusamy v Nithanathan [1990] 2 MLJ 494, MT (diikut)
Lai Yew Seong v Chan Kim Sang [1987] 1 MLJ 403, MA (dirujuk)
Lee Hock Lai v Yeoh Wha Pein [1999] 5 MLJ 172, MT (dirujuk)
Lewis v Denye [1939] 1 KB 540, MR (dirujuk)
Liong Thoo v Sawiyah & Ors [1982] 1 MLJ 286; [1981] CLJ 171, MT (dirujuk)
Lloyde v West Midlands Gas Board [1971] 2 All ER 1240, MR (dirujuk)
MA Clyde v Wong Ah Mei & Anor [1970] 2 MLJ 183, MP (dirujuk)
Mahamad bin Mohamad Said & Anor v Perianayagam & Anor [1972] 1 MLJ 67, MP (dirujuk)
Muniyandi a/l Periyan & Anor v Eric Chew Wai Keat & Anor [2003] 3 MLJ 527; [2005] 4 AMR 609, MT (dirujuk)
Nadarajan Muniandy v Ayob Jauhari [2001] 4 CLJ 718, MT (diikut)
Nance v British Columbia Electric Railway Co Ltd [1951] AC 601, PC (dirujuk)

Ng Chi Chiung v Lau Kam Ping [2000] HKC 759 (dirujuk)
Ngooi ku Siong & Anor v Aidi Abdullah [1985] 1 MLJ 30, MP (diikut)
Nordin bin Haji Abdul Wahab v Mohamed Salleh bin Hassan [1986] 2 MLJ 294, MA (dirujuk)
Phuah Jee Suan v Nila Vasu Pillai [1973] 1 MLJ 186, MR (dirujuk)
Rubaidah bte Dirin (suing as widow of Basia bin Bahari, deceased, on behalf of herself and the dependants of the deceased) v Ahmad bin Ariffin [1997] 1 MLJ 677; [1997] 1 CLJ 447, MR (dirujuk)
Saw Tong Seng v Ong Kim Hoon [1968] 1 MLJ 203, MT (dirujuk)
Seenivasan & Anor v Lim Yew Seng [1961] MLJ 22, MR (diikut)
Shanmugam a/l Gopal v Zinal Abidin bin Nazim & Anor [2003] 3 MLJ 76; (2003) 1 LNS 118, MT (dirujuk)
Suriati bte Takril v Mohan a/l Govindasamy & Anor [2001] 2 MLJ 275; [2001] 2 CLJ 101, MT (dirujuk)
Swadling v Cooper [1931] AC 1, HL (dirujuk)
Tan Cheong Poh & Anor v Teow Ah Keow [1995] 3 MLJ 89, MR (dirujuk)
Tan Kuan Yau v Suhindrimani [1985] 2 MLJ 22, MA (diikut)
Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Haji Ahmad [1985] 1 MLJ 50, MP (diikut)
Topaiwah v Salleh [1968] 1 MLJ 284, MP (diikut)
United Plywood & Sawmill Ltd v Lock Ngan Loi [1970] 2 MLJ 237, MP (diikut)
Ward v James [1966] 1 QB 273, MR (diikut)
Watson v Powles [1968] 1 QB 596, MR (diikut)
Wilson v Pilley [1957] 3 All ER 525, MR (dirujuk)
Wong Choon Mei & Anor v Dr Kuldeep Singh & Anor [1985] 2 MLJ 373, MA (dirujuk)
Yasin bin Wahab v Loo Kok Wai [1980] 2 MLJ 43, MT (dirujuk)
Zamri Md Som & Anor v Nurul Fitriyaton Idawiyah Nahrawi [2002] 1 CLJ 309, MT (dirujuk)

Udang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 106
Akta Pengangkutan Jalan 1987 s 68(3)
Akta Undang-Undang Sivil 1956 s 12(1)
Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 k 101A(2)
Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalanraya 1959 k 17
Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980
Kanun Lebuhraya k 42

Joseph Au (Omar & Joseph Au) bagi pihak perayu-perayu.
Roziana bt Ibrahim (VP Nathan & Partners) bagi pihak responden.

A

VT Singham JC:

[1] Ini adalah satu rayuan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen
B di mana defendan/perayu didapati 100% cuai di atas kemalangan jalan raya. Dalam kes ini, plaintif/responden (SP4) adalah penunggang motosikal No JDE 5103. Defendan pertama adalah dikatakan meletakkan motorlori No JEF 9421 bersama treler beliau di sebelah kiri jalan menghala ke arah Segamat di mana sebahagian motolori berada di atas jalan raya dan
C sebahagian di atas bahu jalan. Dalam rayuan ini, perayu-perayu dan responden akan dirujuk sebagai defendan-defendan dan plaintif masing-masing.

[2] Dalam kes ini, plaintif menunggang motosikal tersebut dari arah
D Kuantan ke arah Segamat (mengikut rajah kasar (eksh P1 di ms 191 rekod rayuan), iaitu dari bawah ke atas. Mengikut versi plaintif dalam keterangan di mahkamah sesyen, plaintif berkata keadaan cuaca adalah gelap, beliau tidak sedar dan cuaca pula mendung serta kabur, menyebabkan beliau terus melanggar motolori tersebut (rujuk gambar-gambar (eksh P2 A–E)
E di ms 193–194 rekod rayuan). Kemalangan ini berlaku pada 9 Mac 2001 pada jam lebih kurang 6.30 pagi di mana plaintif telah merempuh motolori defendan pertama di mana motolori tersebut adalah di dalam keadaan terletak (berhenti) seperti yang dinyatakan di atas. Mengikut keterangan pegawai penyiasat (SP2), perlanggaran tersebut berlaku di bahagian tayar
F belakang sebelah kanan mototreler. Pegawai penyiasat (SP2) juga berkata, kepala motor treler itu tidak menghalang keseluruhan jalan menghala ke Segamat.

[3] Dalam kes ini, defendan pertama tidak memberi keterangan. Hakim
G mahkamah sesyen yang bijaksana bergantung kepada keterangan pegawai penyiasat (SP2), plaintif (SP4), laporan polis plaintif, laporan polis defendan pertama, rajah kasar (eksh P1) dan gambar-gambar polis (eksh P2 A–E). Hakim mahkamah sesyen yang bijaksana mendapati defendan pertama menanggung 100% liabiliti dalam kemalangan tersebut. Hakim mahkamah
H sesyen yang bijaksana tidak menyatakan dalam keputusan bahawa defendan pertama 100% cuai (rujuk kepada penghakiman yang dimeterai di ms 17–20 rekod rayuan, khususnya, di ms 17), di mana beliau hanya menyatakan liabiliti ditanggung oleh defendan 100% dalam kemalangan ini. Hakim mahkamah sesyen yang bijaksana juga tidak menyatakan liabiliti yang
I ditanggung 100% adalah oleh defendan pertama. Walau bagaimanapun, dalam alasan penghakiman bertarikh 19 Mac 2008 iaitu lebih kurang 11 bulan kemudian, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ada menyatakan defendan pertama sepatutnya dipersalahkan 100% dalam kemalangan ini dan menurutnya, defendan-defendan adalah bertanggungjawab 100%.

Seterusnya, hakim mahkamah sesyen juga mengawardkan RM213,000 untuk ganti rugi am dan RM23,224 sebagai ganti rugi khas kepada plaintif. A

[4] Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa laporan polis yang dibuat oleh plaintif atau laporan polis yang dibuat oleh defendan pertama tidak dikemukakan sebagai keterangan sama ada melalui plaintif atau melalui pegawai penyiasat SP2 atau ditandakan sebagai ekshibit. Malangnya, didapati hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah merujuk kepada laporan polis yang dibuat oleh plaintif dan laporan polis yang dibuat oleh pemandu mototreler tersebut, iaitu, defendan pertama dalam alasan-alasan penghakiman walaupun kedua-dua laporan polis tidak dikemukakan sebagai keterangan dan ditandakan sebagai ekshibit. Juga tiada sebarang catitan dalam nota-nota keterangan mengenai sama ada kedua-dua laporan polis tersebut telah dipersetujui untuk diterima sebagai keterangan. Lebih-lebih lagi dan selanjutnya, didapati kedua-dua laporan polis tersebut tidak dirujuk, sama ada kepada pegawai penyiasat SP2 atau kepada plaintif SP4. Keputusan oleh mahkamah ini dalam rayuan ini dibuat berdasarkan kepada catatan nota-nota keterangan yang terkandung dalam rekod rayuan. Oleh itu, mahkamah perbicaraan tidak boleh mengambilkira kepada kandungan kedua-dua laporan polis di mana khususnya, defendan pertama tidak memberi keterangan dan tidak ada sebarang catitan di nota-nota keterangan oleh mahkamah perbicaraan, sama ada laporan polis tersebut dipersetujui dan diterima sebagai keterangan atau tidak. B C D E

[5] Defendan-defendan tidak berpuas hati terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen, di mana defendan pertama didapati 100% bertanggungjawab mengikut alasan-alasan penghakiman terhadap kemalangan dan award ganti rugi am yang dibenarkan dan merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap liabiliti dan kuantum. F G

[6] Terlebih dahulu, mahkamah ini ingin menyatakan bahawa mahkamah ini yang bersidang sebagai mahkamah rayuan sememangnya sedar di mana Mahkamah Rayuan secara am tidak masuk campur di atas pendapat mahkamah perbicaraan, di mana mahkamah perbicaraan mempunyai peluang untuk melihat dan mendengar saksi-saksi memberi keterangan di mana peluang itu tidak terdapat di Mahkamah Rayuan. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk menyatakan di sini bahawa rayuan ini adalah satu pendengaran semula (rehearing) di atas nota-nota yang direkodkan dan terkandung dalam rekod rayuan. Oleh yang demikian, soalan yang timbul adalah, sama ada mahkamah ini yang bersidang sebagai mahkamah rayuan patut dan harus masuk campur di atas pendapat mahkamah perbicaraan. Jawapan kepada soalan tersebut adalah bergantung dan berdasarkan kepada fakta, keadaan dan latar belakang sesuatu kes dan bukan semata-mata hadkan kuasa mahkamah ini untuk tidak masuk campur H I

di atas pendapat mahkamah perbicaraan. Pendek kata, mahkamah ini yang bersidang sebagai mahkamah rayuan sememangnya mempunyai kuasa untuk masuk campur sekiranya terdapat sebarang kesilapan atau *misdirection* di atas keputusan mahkamah perbicaraan (rujuk kes *Balakrishnan a/l Sinnappan & Anor v Mariammah a/p Ganapragasm dan dan wakil peribadi Anthonysamy a/l Atputham* [2006] 4 MLJ 567; [2006] 5 AMR 43 dan *Muniyandi a/l Periyan & Anor v Eric Chew Wai Keat & Anor* [2003] 3 MLJ 527; [2005] 4 AMR 609 di ms 623, 636–637), di mana keputusan Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan telah dirujuk dan diberi pertimbangan dalam kes tersebut. Walau bagaimanapun, mahkamah ini berpendapat bahawa berdasarkan kepada fakta dan latar belakang kes ini, rayuan ini merupakan suatu keadaan, di mana mahkamah ini patut masuk campur di atas pendapat hakim mahkamah sesyen yang bijaksana.

LIABILITI

[7] Dalam kes ini, mahkamah ini berpendapat bahawa hanya terdapat satu isu utama untuk menentukan liabiliti terhadap defendan pertama, iaitu, sama ada terdapat sebarang tanda amaran yang diletak di belakang motolori defendan pertama seperti dikehendaki di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959, r 101A(2) berkata:

> (1) Every driver of a vehicle as specified in the Second Schedule to these Rules shall carry a reflectorised safety triangle to signify the vehicle's presence when it is stationary on any road (other than a road situated within the area of an appropriate authority) but not at an authorised bus stop or a lay-bye.
>
> (2) The driver of the vehicle shall place the safety triangle at a distance of not less than fifty yards from the rear of the vehicle and in a position from which the safety triangle gives advance warning of the stationary vehicle to vehicles approaching from the rear.
>
> (3) The safety triangle shall be in the form of equilateral triangle with sides not less than sixteen inches long and a red border of not less than two inches wide with a hollow centre.
>
> (4) The red border shall be painted or fitted with a red reflectorised surface and shall be visible from a distance of not less than five hundred yards in the high-beam of headlights of any motor vehicle and shall not lose more than 10 per cent of its reflective power when it is raining.
>
> (5) The triangle shall be constructed that it can be stood firmly in a vertical position on the road.

[8] Plaintif telah menyatakan tidak ada tanda amaran dan keterangan itu adalah disokong oleh pegawai penyiasat (SP2) bahawa semasa SP2 sampai di tempat kejadian selepas kemalangan, beliau tidak nampak apa-apa tanda amaran. Dalam keadaan tersebut dan oleh kerana defendan pertama juga tidak memberi keterangan atau terdapat keterangan sebaliknya atau disangkal, khususnya, terhadap isu tidak ada tanda amaran, mahkamah ini boleh menerima keterangan plaintif bahawa tidak ada tanda amaran diletakkan dibelakang motolori pada masa kemalangan berlaku. Perkara itu adalah dalam pengetahuan defendan pertama sendiri dan defendan pertama sendiri sepatutnya memberi keterangan terhadap isu tersebut sekiranya beliau ingin menyangkal keterangan plaintif bahawa tidak ada tanda amaran diletakkan dibelakang motolori tersebut, seperti yang dikatakan oleh plaintif dan disokong oleh pegawai penyiasat (SP2). Seksyen 68(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987 berkata:

> Failure on the part of any person to observe any provisions of the highway code shall not of itself render that person liable to criminal proceedings of any kind, but any such failure may in any proceedings, whether civil or criminal, be relied on by any party to the proceedings as tending to establish or the negate any liability which is in question in those proceedings.

Dalam kes *Insurance Commissioner v Joyce* (1948) 77 CLR 39, Riche H berkata di ms 49:

> When circumstances as proved indicating a conclusion that the only party who can give direct evidence of the matter prefers the well of the court to the witness box, a court is entitled to be bold (rujuk juga kepada s 106 Akta Keterangan 1950).

[9] Oleh itu, mahkamah perbicaraan boleh dan berhak untuk memutuskan bahawa defendan pertama sebenarnya tidak meletakkan tanda amaran tersebut seperti dikehendaki di bawah r 101A(2) Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959. Dalam kes *British Railways Board v Herrington* [1972] AC 877 defendan tidak memberi keterangan dan Lord Diplock berkata di ms 930:

> This is legitimate tactical move under our adversarial system of litigation. But a defendant who adopts it cannot complain if the court draws from the facts which have been disclosed all reasonable inferences as to what are the facts which the defendant has chosen to withhold.

[10] Dalam kes ini, fakta dan keterangan menunjukkan bahawa plaintif tidak dapat mengelak atau membelok (swerve) ke kanan jalan dalam had penglihatan plaintif (within the limit of his vision). Di atas fakta-fakta kes ini, didapati dan boleh membangkitkan inferens bahawa plaintif telah menunggang motosikal dalam kelajuan yang tidak sepatutnya (unwarranted) dengan penglihatan yang kurang jelas pada masa itu (poor visibility prevailing

at that time) dan tidak mungkin beliau menunggang motosikal dalam kelajuan 30km/j seperti dinyatakan oleh plaintif dan kelajuan 30km/j telah dicabar oleh peguam defendan-defendan semasa pemeriksaan balas bahawa kelajuan motosikal plaintif adalah melebihi dari 30km/j di mana plaintif tidak bersetuju. Dalam keadaan tersebut, mahkamah ini boleh membuat inferens yang berasas bahawa plaintif tidak dapat mengawal motosikal beliau kerana beliau berada dalam keadaan terkejut, menunggang motosikal dengan kelajuan melebihi 30km/j dan ini bermakna plaintif tidak mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mengelakkan sebarang keadaan kecemasan dan kurang berhati-hati apabila berada dalam pergerakan dan tidak mengurangkan kelajuan motosikal supaya beliau dapat mengawal sebarang kecemasan dalam keadaan cuaca yang dihadapi oleh plaintif.

[11] Oleh itu, mahkamah ini tidak bersetuju dengan pendapat hakim mahkamah sesyen bahawa defendan pertama adalah 100% bertanggungjawab kepada kemalangan tersebut. Di atas fakta, keadaan kes ini dan pengakuan plaintif bahawa penglihatan beliau adalah kurang jelas kerana pada masa itu adalah gelap dan cuaca mendung serta kabur, mahkamah ini berpendapat bahawa plaintif mempunyai peluang untuk mengelakkan kemalangan tersebut sekiranya plaintif ada mengambil langkah-langkah yang munasabah, lebih berhati-hati dan kurangkan kelajuan beliau supaya dapat mengawal motosikal dan mengelakkan kemalangan tersebut. Dalam keadaan tersebut dan di atas alasan tersebut sahaja, mahkamah ini berpendapat bahawa plaintif telah menyumbang kepada kemalangan tersebut dan sepatutnya didapati lebih bertanggungjawab kerana beliau adalah dalam pergerakan. Mahkamah ini juga mempunyai budi bicara untuk membahagikan ganti rugi apabila didapati plaintif juga telah menyumbang kepada kecederaan beliau seperti diperuntukkan di bawah s 12(1) Akta Undang-Undang Sivil 1956. Section 12(1) Akta Undang-Undang Sivil 1956 berkata:

> Section 12(1) of the Civil Law Act 1956 is merely a provision of substantive law that gives power and jurisdiction to the Court to reduce the damages proportionate to any contributory negligence on the part of the person who suffers damage as a result partly of his own fault and partly of the fault of any other person or persons.

[12] Mahkamah ini mempunyai budi bicara untuk bergantung di atas inferen berdasarkan kepada fakta dan keadaan sesuatu kes. Dalam rayuan ini, berdasarkan kepada keterangan plaintif sendiri, mahkamah perbicaraan bebas untuk menentukan, sama ada plaintif juga telah menyumbang kepada kemalangan walaupun defendan pertama tidak memberi keterangan dalam perbicaraan dan mahkamah perbicaraan boleh dan bebas bergantung kepada inferen yang boleh didapati daripada keterangan plaintif sendiri.

Dalam kes *Jones v Great Western Railway Co* (1930) 144 LT 194 Lord Macmillan berkata di ms 202: A

> An inference in the legal sense is a deduction from the evidence, and if it is a reasonable deduction it may have the validity of proof.

B

Mahkamah ini juga ingin merujuk kepada kes *Caswell v Powell Duffryn Associated Collieries Ltd* [1940] AC 152 di mana Lord Wright berkata di ms 186–170:

> Inference must be carefully distinguished from conjecture or speculation. There C can be no inference unless there are objective facts from which to infer the other facts which it is sought to establish. In some cases the other facts can be inferred with as much practical certainty as if they had actually been observed. In other cases the inference does not go beyond reasonable probability. But if there are no positive proved facts from which the inference can be made, the method of D inference fails and what is left is mere speculation or conjecture.

[13] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, terdapat fakta yang objektif, di mana plaintif sendiri telah mengakui bahawa keadaan adalah gelap, cuaca mendung dan kabur. Dengan itu, mahkamah boleh membuat inferen bahawa E penglihatan (visibility) di arah hadapan adalah tidak jelas dan selamat untuk plaintif meneruskan perjalanan beliau tanpa mengambil langkah-langkah yang munasabah dan lebih berhati-hati. Seterusnya dan sepatutnya seorang penunggang seperti dalam keadaan plaintif harus menunggang dengan lebih berhati-hati supaya dapat mengawal apa-apa atau sebarang keadaan F kecemasan atau yang tidak diingini berlaku atau yang akan dihadapi dari arah hadapan beliau. Apa lagi di mana plaintif sendiri mengakui keadaan cuaca adalah gelap dan beliau 'terus tidak sedar' dan juga tidak nampak motolori yang besar seperti motolori defendan pertama di hadapannya yang terletak bersama trelernya di satu jalan yang lurus. G

[14] Oleh itu, adalah tugas dan tanggungjawab plaintif untuk menunggang motosikal dalam kelajuan dan kawalan yang lebih berhati-hati di atas jalan raya di mana plaintif adalah dalam pergerakan supaya plaintif dapat mengelakkan sebarang kecemasan atau *exigencies* yang tiba-tiba mungkin H timbul di hadapannya. Seterusnya, plaintif patut dan harus menyangka apa-apa yang tidak diingini yang mungkin akan berlaku kerana penglihatan di hadapan adalah tidak memuaskan dan mungkin adalah satu keadaan merbahaya kepada kenderaan lalu lintas termasuk plaintif yang ada dalam pergerakan dan bukan meneruskan perjalanan tanpa mengambil I langkah-langkah yang munasabah dalam keadaan tersebut. Di atas pengakuan plaintif sendiri di mana cuaca pada masa itu tidak selamat, gelap dan kabur iaitu pada jam lebih kurang 6.30 pagi dan sekiranya plaintif ada mengambil langkah-langkah yang mencukupi dan lebih berhati-hati, ada

kemungkinan kemalangan ini dapat dielakkan dan beliau tidak menghadapi kejadian seperti yang berlaku dalam kes ini.

[15] Di sini adalah penting untuk mengambilkira bahawa kenderaan defendan pertama adalah satu kenderaan yang besar dan bersambung dengan satu treler besar. Oleh itu, adalah mustahil untuk plaintif tidak dapat melihat motolori tersebut dalam jarak jauh yang munasabah di mana jalan itu adalah lurus dan mengawal motosikal beliau untuk mengelakkan sebarang kemalangan, sekiranya plaintif menunggang motosikal dalam kelajuan yang munasabah dalam keadaan cuaca tersebut dan lebih berhati-hati. Sekiranya plaintif ada berbuat sedemikian, adalah berkemungkinan besar kemalangan dapat dielakkan dan tidak akan berlaku seperti yang dikatakan oleh plaintif. Mahkamah ini tidak dapat menerima keterangan plaintif bahawa kelajuan motosikal pada masa itu adalah 30km/j kerana kelajuan tersebut mungkin boleh dan akan memberi peluang untuk mengawal motosikal beliau dalam keadaan tersebut, sekiranya plaintif menunggang dengan lebih berhati-hati dan lebih bertanggungjawab, kemalangan tersebut tidak akan berlaku bagaimana dan seperti yang dikatakan oleh plaintif. Dalam kes ini tidak boleh dinafikan bahawa beban pembuktian (legal burden of proof) adalah tanggungjawab plaintif tetapi keterangan pembuktian (evidential burden) adalah terletak kepada defendan di mana s 106 Akta Keterangan 1950 berkata:

> Apabila mana-mana fakta diketahui secara khusus oleh mana-mana orang, maka beban membuktikan fakta itu terletak padanya.

> A distinction is drawn between the 'legal burden' of proof which always rests on the plaintiff (or defendant in a cross-suit) and a provisional burden. The former is imposed by the law itself; the latter is a burden which is created by the state of the evidence. A piece of evidence may raise a 'presumption' or a 'prima facie' case in the sense that if nothing more is proved the court may (but not necessarily must) infer that there was negligence and may call upon the other party to answer that piece of evidence. But it is only a provisional burden which may be answered by evidence or by argument. It is not a compelling presumption; it is only a provisional one which may shift from one party to the other and back again as the case proceeds (see *Brown v Rolls Royce Ltd* [1960] 1 WLR 210).

[16] Walau bagaimanapun, dan oleh kerana defendan pertama tidak memberi keterangan, ini bukan bermakna bahawa defendan pertama semata-mata patut didapati 100% cuai melainkan terdapat keterangan bahawa defendan pertama ada cuai seperti dalam kes ini di mana didapati dan tanpa keterangan sangkal bahawa defendan pertama tidak meletakkan tanda amaran di belakang motolori tersebut. Dalam keadaan tersebut, mahkamah perbicaraan masih mempunyai tugas untuk menilai keterangan keseluruhan, (there must be proper judicial evaluation) secara kehakiman sama ada, pertama, defendan pertama cuai dan bertanggungjawab terhadap kemalangan

tersebut dan kedua, dan sekiranya defendan pertama didapati cuai, sama ada plaintif juga telah menyumbang kepada kemalangan tersebut. A

Dalam kes *Lee Hock Lai v Yeoh Wha Pein* [1999] 5 MLJ 172, Mohd Hishamudin H (sekarang HMR) berkata di ms 175: B

> With respect, the learned sessions court judge was fundamentally wrong in the approach. The case she was dealing with — a normal road accident case — essentially concerns the tort of negligence. The proper manner of approaching the case, as with all cases of similar nature, was for the court to evaluate the whole evidence and to make a finding of mixed law and fact (after applying the principles governing the law of negligence to the facts of the case — among which was whether there was a breach of a legal duty to take care by the defendant) as to whether or not the defendant was liable in negligence. If the court were to find that the defendant was not guilty of negligence, then it must dismiss the plaintiff's claim. And in view of the fact that in the present case there was no counterclaim by the defendant against the plaintiff for negligence that would be the end of the matter! But if, on the other hand, she were to come to a finding that the defendant was liable in negligence, then since in the present case the defendant, in his pleading, has pleaded contributory negligence, she must also consider and make a finding of mixed law and fact (after applying the principles governing contributory negligence to the facts of the case) whether or not the plaintiff was guilty of contributory negligence. And assuming that she were to find the plaintiff guilty of contributory negligence, then the damages recoverable by the plaintiff are to be reduced to such extent as the court thinks just and equitable having regard to the plaintiff's share in the responsibility for the damage (rujuk kes *Lee Hock Lai v Yeoh Wha Pein* [1999] 5 MLJ 172). C D E F

[17] Berdasarkan keterangan plaintif sendiri, mahkamah perbicaraan juga sepatutnya membangkitkan soalan, sama ada plaintif ada menyumbang kepada kemalangan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh plaintif untuk mengelakkan kemalangan dalam keadaan di mana cuaca yang dihadapi oleh plaintif adalah tidak memuaskan dan tidak selamat di atas pengakuan plaintif sendiri di mana penglihatan di hadapan adalah tidak memuaskan. Di atas fakta dan pengakuan oleh plaintif sendiri, dengan segala hormatnya, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana sepatutnya mendapati plaintif ada menyumbang kepada kemalangan tersebut. Dalam kes ini, dengan segala hormatnya, didapati hakim mahkamah sesyen yang bijaksana tidak menjalankan tugasnya dan menilai keterangan secara kehakiman (there is no proper judicial evaluation) dan sebab itu hakim mahkamah sesyen yang bijaksana gagal untuk mengambilkira keterangan plaintif terhadap keadaan cuaca dan ini adalah satu *non-direction* di mana adalah *misdirection*, di mana telah memberi kesan kepada pendapat hakim mahkamah sesyen terhadap liabiliti dan pendapat tersebut tidak dapat dikekalkan kerana mahkamah ini mendapati tidak ada penilaian keterangan keseluruhan dan secara G H I

kehakiman. Dalam kes *Suriati bte Takril v Mohan a/l Govindasamy & Anor* [2001] 2 MLJ 275; [2001] 2 CLJ 101, Abdul Malik Ishak H (pada masa itu) (sekarang HMR) berkata:

> At the end of the day, an appeal being a rehearing, the appellate court would generally be in a good position as the trial judge to evaluate the available evidence in printed form and the appellate court must not shrink from its responsibility in undertaking that onerous task although the appellate court ought to give some weight to the trial judge's opinion. It is salutary to remember that there cannot be any presumption that the judgment of the trial judge was right, such a presumption if it ever exists should be buried and remain buried forever in the abyss of darkness.

Dalam kes *Rubaidah bte Dirin (suing as widow of Basia bin Bahari, deceased, on behalf of herself and the dependants of the deceased) v Ahmad bin Ariffin* [1997] 1 MLJ 677; [1997] 1 CLJ 447, Mahkamah Rayuan berkata di ms 462:

> The duty of the court is to apply the law as it finds it and not to create judicial foundations for a welfare state. We do not think our legislation was ever intended to produce a windfall for dependents of deceased persons who were substantially the authors of their own misfortune.

[18] Seterusnya, mahkamah ini berpendapat doktrin res ipsa loquitor tidak digunapakai dalam fakta dan keadaan kes ini. Mahkamah ini berpendapat bahawa doktrin res ipsa loquitur seperti diplidkan oleh plaintif di perenggan 7 pernyataan tuntutan tidak terpakai di atas fakta dan keadaan kes ini kerana plaintif mengetahui bagaimana kemalangan berlaku dan apakah punca yang menyebabkan kemalangan. Bagaimana kemalangan berlaku juga adalah dalam pengetahuan plaintif sendiri seperti yang diakui oleh plaintif (rujuk kes *Wong Choon Mei & Anor v Dr Kuldeep Singh & Anor* [1985] 2 MLJ 373 di ms 375; *MA Clyde v Wong Ah Mei & Anor* [1970] 2 MLJ 183 dan *Lloyde v West Midlands Gas Board* [1971] 2 All ER 1240 di ms 1246). Oleh yang demikian, mahkamah perbicaraan harus memutuskan terdapat sumbangan kecuaian oleh plaintif.

[19] Seperti yang dikatakan lebih awal, tidak boleh dinafikan bahawa tidak terdapat tanda amaran seperti dikehendaki dari segi undang-undang di belakang motolori dan defendan pertama adalah bertanggungjawab kerana gagal mematuhi peruntukan tersebut ataupun menyangkal keterangan plaintif yang juga disokong oleh pegawai penyiasat (SP2) mengenai perkara tersebut. Oleh itu, defendan pertama perlu bersedia untuk menerima keterangan plaintif dan risiko untuk tidak menyangkal keterangan mengenai tanda amaran di mana mahkamah perbicaraan juga perlu menerima keterangan plaintif di atas isu tidak ada tanda amaran (rujuk kes *Jaafar bin*

Shaari & Anor (suing as administrators of the estate of Shofiah bte Ahmad, deceased) v Tan Lip Eng & Anor [1997] 3 MLJ 693 di ms 704).

[20] Di atas fakta dan keadaan kes ini, isu bagaimana kemalangan berlaku, mahkamah boleh mengambilkira keterangan plaintif dan pengakuan plaintif, iaitu, keadaan penglihatan (visibility) pada masa material itu adalah gelap dan kabur, plaintif harus dan patut menunggang motosikal dengan lebih berhati-hati dan bertanggungjawab serta menunggang motosikal beliau dalam keadaan di mana beliau dapat mengawal motosikal dan mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku apabila dan sekiranya timbul apa-apa situasi kecemasan atau *exigencies* di hadapannya. Tidak boleh dinafikan bahawa struktur jalan di mana kemalangan berlaku merupakan satu jalan yang lurus, tidak ada keterangan dan tidak boleh dikatakan meletakkan motolori defendan telah menghalang sepenuhnya keseluruhan lalu lintas termasuk laluan plaintif dan ini disahkan oleh pegawai penyiasat (SP2). Mengikut rajah kasar (eksh P1) dan gambar-gambar tempat kemalangan (eksh P2 A–E) dan keterangan pegawai penyiasat (SP2), jalan tersebut adalah lurus dan mahkamah ini berpendapat ada ruang yang mencukupi untuk motosikal yang ditunggang oleh plaintif melepasi motolori defendan pertama yang diletak di sebelah kiri jalan dan sebahagian di atas jalan raya dan sebahagian bahu jalan di tepi jalan. Di atas keadaan tersebut, plaintif ada peluang dan mungkin boleh mengelakkan pelanggaran di belakang motolori dari arah belakang sekiranya plaintif menunggang motosikal dengan lebih berhati-hati, kurangkan kelajuan motosikal sebaik sahaja beliau sedar adalah sukar untuk melihat di hadapan dan penglihatan (visibility) dihadapan adalah gelap dan kabur mengikut pengakuan plaintif sendiri. Oleh yang demikian, ada kemungkinan kemalangan boleh dielakkan kerana terdapat ruang yang mencukupi di sebelah kanan motolori untuk plaintif meneruskan perjalanan beliau dan melepasi motolori tanpa apa-apa kejadian di mana didapati disumbang oleh plaintif sendiri. Dalam kes *Haron v Macaulay* [1969] 1 MLJ 169 di ms 170, Mahkamah Persekutuan berkata:

> It is clear however that the accident happened because the respondent was unable to draw up or swerve his car to the right side of the road within the limit of his vision, which is indicative of the fact that he must have driven at a speed unwarranted by the poor visibility prevailing at that time. We, therefore, agree with the finding of the learned trial judge that the respondent was guilty of contributory negligence and the proportion of the negligence was one-third as against the appellant's share of two-thirds.

